



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA 2017

Putrajaya, 15 Mac 2018 – Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah meraikan seramai 685 orang penerima anugerah yang terdiri dari warga KKMM, Jabatan dan Agensi di bawahnya. Majlis ini merupakan penghargaan di atas keupayaan warga cemerlang KKMM yang sentiasa berusaha maju ke hadapan, bukan sahaja sebagai peneraju perubahan tetapi juga sebagai penggerak utama ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam.

Anugerah ini disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Jailani Johari, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Majlis ini turut dihadiri oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Ketua-ketua Jabatan di bawah KKMM.

Dalam ucapan YB Dato' Sri Jailani Johari pada majlis ini, turut menyentuh pencapaian Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi Tahun 2017. Antara pencapaian-pencapaian yang dilakar oleh KKMM ialah: -

Kadar Penembusan Internet 131.8 %

Kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan infrastruktur Internet daripada semasa ke semasa sama ada melalui peluasan jalur lebar talian tetap dan mudah alih. Tahun 2017 menyaksikan peningkatan kadar penembusan telefon mudah alih di Malaysia mencecah 131.8 peratus manakala telefon pintar sebanyak 70 peratus pada suku ketiga tahun lalu.

Pihak Kerajaan percaya melalui pelbagai inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan ini dapat memperluaskan rangkaian jalur lebar serta mempertingkatkan mutu perkhidmatan komunikasi khususnya di kawasan luar bandar, sekaligus dapat mencapai sasaran 95% liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk menjelang tahun 2025.

Pengawalseliaan Portal Sebenarnya.my

Sepanjang tahun 2017 hingga kini, kerajaan giat melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dan pengawalseliaan mengenai penyebaran maklumat palsu/penyalahgunaan media sosial. Sebagai agensi penguatkuasa yang menguatkuasakan undang-undang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan sentiasa menjalankan tindakan penguatkuasaan dan penyiasatan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta tersebut. Sekiranya terdapat kekangan bidang kuasa oleh SKMM, tindakan sewajarnya masih boleh diambil di bawah peruntukan undang-undang sedia ada oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Fitnah 1957, Akta Hak Cipta 1987, Akta Jenayah Komputer 1997.

Sebagai langkah proaktif Kerajaan telah melancarkan portal Sebenarnya.my bagi membolehkan orang awam menyemak berita dalam talian yang diragui kesahihannya. Portal tersebut dilihat mendapat tindak balas positif daripada masyarakat umum. Sejak dilancarkan pada Mac 2017, portal ini telah merekodkan kira-kira 19 juta “hits” dengan purata 70 ribu pelawat setiap hari.

Program Menghubung Menyatu (*Connecting the Unconnected*)

Program ‘Menghubung Menyatu’ merupakan satu inisiatif yang diterajui oleh KKMM dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan dan syarikat swasta di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai *National Blue Ocean Strategy* (NBOS). Pendekatan NBOS adalah berpaksikan kepada prinsip berimpak tinggi, kos rendah, pelaksanaan pantas dan mampan.

Sebanyak 80 program Menghubung Menyatu telah dilaksanakan mulai 2016 sehingga kini. Seramai 456,000 penduduk di kawasan pedalaman seluruh Malaysia telah 'dihubungkan' menerusi program Menghubung Menyatu. Melalui program ini, masyarakat di kawasan pedalaman dapat diperkasakan dengan akses kepada maklumat asas dan hiburan, penyampaian perkhidmatan dan latihan kemahiran serta peluang penjana pendapatan dalam talian. Program ini sangat bermakna kerana telah memanfaatkan segenap lapisan masyarakat khususnya di kawasan pedalaman yang kini terhubung melalui peluasan jaringan komunikasi.

Pencapaian Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Kementerian

KKMM telah berjaya mengekalkan pencapaian *Significantly Exceeding Target* untuk program dan projek pembangunan di bawah Kementerian bagi tiga tahun berturut-turut. Selain itu, KKMM juga telah dianugerahkan Penarafan 5 Bintang bagi Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia.

KKMM juga telah mencatat kejayaan Indeks Penarafan lima (5) bintang (Indeks SSR) yang dijalankan oleh MAMPU bagi tahun 2015-2016. Mengikut analisa kes di bawah arahan Perbendaharaan, KKMM telah berjaya menurunkan kes AP59 pada tahun 2016 sebanyak 56% berbanding 2015, iaitu penurunan dari 34 kes kepada 15 kes.

Berdasarkan Pengauditan Pengurusan Kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara, KKMM telah menerima penarafan lima (5) bintang bagi tahun 2016 berbanding tiga(3) bintang pada tahun 2015.

Penghasilan Dokumen *Communications & Multimedia Blueprint 2018-2025* bagi hala tuju Strategik Sektor Komunikasi dan Multimedia

KKMM telah membangunkan Pelan Tindakan Komunikasi dan Multimedia 2018-2025 bertujuan untuk memperkasa dan memperkukuhkan sektor Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Majlis Pelancaran Awal Pelan Tindakan ini telah diadakan pada 11 Disember 2017 dengan menggariskan enam (6) strategi yang mengambil kira komitmen negara menembusi pasaran digital.

Enam strategi tersebut ialah menghubungkan rakyat, mengukuhkan kepercayaan, mempergiat keterlibatan, memacu inovasi, memangkin kreativiti dan memperkasakan bakat. Kesemua strategi tersebut adalah menepati mantera Kementerian iaitu mendigitalkan dan merakyatkan (*digitise & humanise*).

*Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
15 Mac 2018*

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Rossilawati Alias, Ketua Penolong Setiausaha I di talian 019-3762678 atau Puan Salmah Ramli di talian 013-2557548.